

17/04/2002

Dasar tegas Malaysia buat Amerika buka mata

KESANGSIAN terhadap dasar dan pendirian Malaysia dalam menghadapi ancaman keganasan sebagaimana disuarakan oleh sesetengah pihak sebelum ini sebenarnya tidak berasas. Kita menentang dan mengecam sebarang bentuk keganasan apatah lagi ditujukan kepada orang awam yang tidak berdosa dalam apa keadaan sekalipun. Kita juga berpendapat keganasan tidak harus dikaitkan dengan Islam kerana ia tidak mengajar umatnya bersikap atau melakukan kemusnahan dan pembunuhan demi mencapai sesuatu matlamat, malah fahaman sederhana dan toleransi amat digalakkan. Sebab itulah Malaysia tidak menyokong serangan ganas sebagaimana dilancarkan oleh kumpulan pengganas pada 11 September tahun lalu di Amerika Syarikat. Pandangan dan tindakan negara ini, kini diakui dan dipuji Washington yang sekali gus menganggap kita sebagai simbol kestabilan di rantau ini dan memainkan peranan penting dalam perang global membanteras keganasan. Pujian terhadap ketegasan Malaysia itu dinyatakan Penolong Setiausaha Negara (Hal-ehwal Pasifik dan Asia Timur), James A Kelly, kelmarin yang berharap kerjasama dalam bidang ini dapat dikekalkan dan ditingkatkan.

Apa yang perlu ditekankan adalah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang amat tegas dalam pendirian beliau berhubung isu berkenaan dan tidak berganjak walaupun menghadapi pelbagai tekanan dan tohmahan sebelum tragedi di New York itu. Berdasarkan siasatan, polis bertindak tegas dan cepat menahan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) tahun lalu, sebelum mereka dapat melaksanakan rancangan bertujuan menggugat keselamatan negara ini. Penahanan anasir-anasir itu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membolehkan mereka ditahan tanpa perbicaraan itu telah dikecam hebat oleh Amerika sendiri selain pertubuhan hak asasi manusia. Media massa perdana Amerika turut sama mengecam tindakan itu sambil menyalahkan Dr Mahathir yang dituduh cuba menyekat kebebasan dan mengekang pembangkang. Namun, kita tidak mudah tunduk kepada desakan dan bantahan itu kerana berpendirian bahawa adalah lebih baik mengambil langkah pencegahan dan mematikan ancaman sebelum ia dapat bertapak hingga sukar dikawal; iaitu punca dan gejala keganasan dihapuskan sebelum ia berputik. Tidak ada gunanya kita membiarkan keadaan yang tidak diinginkan berlaku dan hanya bertindak selepas negara dilanda huru-hara kerana ketika itu nasi akan sudah menjadi bubur.

Namun peristiwa serangan pengganas ke atas WTC di New York mengubah persepsi Amerika terhadap erti kebebasan dan hak asasi dan sekali gus memuji tindakan Malaysia dalam menangani ancaman terhadap keselamatan negara dan isu keganasan. Malah dalam menghadapi dan menangani ancaman itu, Washington kini melaksanakan dasar lebih keras dan disifatkan oleh sesetengah negara sebagai kejam berbanding ISA yang dikutuknya sebelum ini. Benarlah kata pepatah, apabila kena pada batang hidung sendiri barulah Amerika sedar betapa dahsyatnya bersikap sambil lewa dan kononnya mendukung hak asasi padahal ia akhirnya mendatangkan kesan dan akibat buruk dan di luar jangkaan.

Bagi Amerika, bukan saja sikap tegas dan pendirian Dr Mahathir itu penting dan harus disokong berdasarkan hubungan baik sedia terjalin di antara dua negara itu malah memandangkan hakikat Malaysia adalah negara majoriti penduduk Islam dan berfahaman sederhana pula. Satu lagi faktor penting adalah ketrampilan Dr Mahathir dan kewibawaan serta kedudukan Malaysia di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Penghargaan Amerika terhadap peranan Malaysia itu tentunya akan

mbolehkan Dr Mahathir mengetengahkan pandangan negara Islam berhubung isu keganasan dan kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin di Tebing Barat dan Gaza dalam pertemuan beliau dengan Presiden George W Bush bulan depan. Perkara itu tentunya akan ditimbulkan selain pelbagai isu dua hala termasuk meningkatkan lagi perdagangan.

(END)